



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ISSN 2462-1404

9 772462 140006

FDI  
20  
21

**STATISTIK PELABURAN  
LANGSUNG ASING  
DI MALAYSIA**  
***STATISTICS OF FOREIGN  
DIRECT INVESTMENT IN MALAYSIA***

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
*DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA*





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# STATISTIK PELABURAN LANGSUNG ASING DI MALAYSIA

**STATISTICS OF FOREIGN DIRECT INVESTMENT IN MALAYSIA**

# 2021

## Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsS1_2022).

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Connecting the World with Data We Can Trust"

## Announcement

*Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 until 31st December 2022 and Annual Economic Survey (AES) 2022 from 15th April 2022 until 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*Economic and social statistics publication namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStatsQ1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022).*

*Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust"*

Diterbitkan dan dicetak oleh / Published and printed by :

**Jabatan Perangkaan Malaysia**  
**Department of Statistics, Malaysia**  
Blok C6, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA**

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	<a href="https://www.dosm.gov.my">https://www.dosm.gov.my</a>
Facebook / Twitter / Instagram	:	statsmalaysia
Emel / Email	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / general enquiries) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / data request & enquiries)
Harga / Price	:	RM20.00

Diterbitkan pada Jun 2022 / Published on June 2022.

Hakcipta terpelihara / All rights reserved.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”.

*No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.*

*Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:*

“Source : Department of Statistics, Malaysia”.

**ISSN 2462-1404**

## KATA PENGANTAR

Statistik Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia bagi tahun 2021 disusun secara tahunan dan menyediakan statistik berkaitan pelaburan dalam bentuk instrumen kewangan iaitu ekuiti & dana pelaburan saham dan instrumen hutang. Siri masa tahunan terperinci bagi tahun 2012 hingga 2021 turut dimuatkan di dalam penerbitan ini. Penyusunan statistik FDI adalah selaras dengan garis panduan dalam *Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6) of the International Monetary Fund (IMF)*.

Statistik dalam penerbitan ini memaparkan aliran bersih, kedudukan dan pendapatan yang terdiri daripada pecahan mengikut sektor utama, negara dan matriks antara sektor dan negara. Ringkasan penemuan dan jadual statistik terperinci dipaparkan pada bahagian pertama dan kedua penerbitan ini. Sementara itu, bagi memudahkan lagi kefahaman, nota teknikal yang merangkumi skop dan liputan, konsep dan definisi dimuatkan pada bahagian akhir.

Statistik ini boleh membantu agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menyumbang dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

**Jun 2022**

## PREFACE

*Statistics of Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia for the year 2021 is compiled annually and provides statistics relating to investments in the form of financial instrument namely equity & investment fund shares and debt instruments. The detailed annual time series for 2012 to 2021 are also included in this publication. The compilation of FDI is in accordance with the guidelines of the Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6) of the International Monetary Fund (IMF).*

*The statistics in this publication featured net flows, position and income comprising of the breakdown by main sector, country and matrix between sector and country. Summary of findings and statistical tables are highlighted in the first two parts of this publication. Meanwhile, to facilitate better understanding, technical notes relating to the scope and coverage, concepts and definitions are provided in the final part.*

*These statistics could assist government agencies, economists, academicians as well as individuals for planning and formulation of policies, economic analysis, projections and to assist in business development planning.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges all parties concerned who have contributed in making this publication a success. All comments and suggestions towards improving future publications are appreciated.*

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

*Chief Statistician Malaysia*

**June 2022**

# KANDUNGAN / CONTENTS


<b>Kata Pengantar <i>Preface</i></b>	i
<b>Penemuan Utama <i>Main Findings</i></b>	01
<b>Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i></b>	03
<b>Artikel <i>Article</i></b>	13
<b>Jadual <i>Tables</i></b>	35
<b>Siri Masa Statistik Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia, 2001 - 2021 <i>Time Series on Foreign Direct Investment (FDI) Statistics in Malaysia, 2001 - 2021</i></b>	37
<b>Aliran Bersih FDI di Malaysia mengikut Sektor, 2020 - 2021 <i>Net FDI Flows in Malaysia by Sector, 2020 - 2021</i></b>	38
<b>Aliran Bersih FDI di Malaysia mengikut Rantau, 2020 - 2021 <i>Net FDI Flows in Malaysia by Region, 2020 - 2021</i></b>	40
<b>Aliran Bersih FDI di Malaysia mengikut Negara dan Sektor, 2020 - 2021 <i>Net FDI Flows in Malaysia by Country and Sector, 2020 - 2021</i></b>	42
<b>Kedudukan FDI di Malaysia mengikut Sektor, 2020 - 2021 <i>FDI Position in Malaysia by Sector, 2020 - 2021</i></b>	44
<b>Kedudukan FDI di Malaysia mengikut Rantau, 2020 - 2021 <i>FDI Position in Malaysia by Region, 2020 - 2021</i></b>	46
<b>Kedudukan FDI di Malaysia mengikut Negara dan Sektor, 2020 - 2021 <i>FDI Position in Malaysia by Country and Sector, 2020 - 2021</i></b>	48
<b>Pendapatan FDI di Malaysia mengikut Sektor, 2020 - 2021 <i>FDI Income in Malaysia by Sector, 2020 - 2021</i></b>	50
<b>Pendapatan FDI di Malaysia mengikut Rantau, 2020 - 2021 <i>FDI Income in Malaysia by Region, 2020 - 2021</i></b>	52
<b>Aliran Bersih Pelaburan Portfolio di Malaysia mengikut Rantau, 2020 - 2021 <i>Net Flows of Portfolio Investment in Malaysia by Region, 2020 - 2021</i></b>	54
<b>Kedudukan Pelaburan Portfolio di Malaysia mengikut Rantau, 2020 - 2021 <i>Portfolio Investment Position in Malaysia by Region, 2020 - 2021</i></b>	56
<b>Jadual Siri Masa, 2012 - 2019 <i>Time Series Table, 2012 - 2019</i></b>	59
<b>Nota Teknikal <i>Technical Notes</i></b>	97

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.**  
*This page is deliberately left blank.*

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# STATISTIK PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DI MALAYSIA 2021

“ Pada tahun 2021, Malaysia mencatatkan aliran masuk FDI sebanyak **RM48.1 bilion** terutamanya dalam sektor Pembuatan ”



## Aliran dan Pendapatan FDI mengikut Sektor Utama



## Aliran dan Pendapatan FDI mengikut Komponen


### Aliran

Ekuiti & dana pelaburan saham  
Instrumen hutang **RM56.3b**  
**-RM8.1b**

### Pendapatan

Pendapatan ekuiti & dana pelaburan saham **RM100.3b**  
Faedah **RM0.7b**

## Pelabur Utama bagi Aliran dan Pendapatan FDI



Rantau disusun berdasarkan nilai aliran bersih

Nota: b merujuk kepada bilion


Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih

Sumber: Statistik Pelaburan Langsung Asing di Malaysia,  
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)




# STATISTICS OF FOREIGN DIRECT INVESTMENT (FDI) IN MALAYSIA 2021

In 2021, Malaysia registered FDI inflows of **RM48.1 billion** mainly in Manufacturing sector





## FDI Flows and Income by Main Sector



## FDI Flows and Income by Component

Flows	RM56.3b
Equity & investment fund shares	RM56.3b
Debt instruments	-RM8.1b
Income	RM100.3b
Income on equity & investment fund shares	RM100.3b
Interest	RM0.7b

## Top Investors of FDI Flows and Income



Region ranked by net flows value

Notes: b refers to billion

Negative value refers to net outflows


Source: Statistics of Foreign Direct Investment in Malaysia,  
Department of Statistics, Malaysia (DOSM)

## PRESTASI PELABURAN LANGSUNG ASING DI MALAYSIA

Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia mencatatkan aliran masuk bersih RM48.1 bilion pada tahun 2021 berbanding RM13.3 bilion pada tahun sebelumnya, berikutan pemulihan beransur-ansur dalam ekonomi global kesan daripada pandemik COVID-19. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh aliran yang lebih tinggi dalam ekuiti dan dana pelaburan saham. Dari segi kedudukan, FDI meningkat kepada RM788.8 bilion pada akhir tahun 2021 (2020: RM684.9 bilion). Sementara itu, pendapatan pelaburan meningkat kepada RM101.0 bilion daripada RM43.8 bilion pada tahun 2020, kesan daripada pendapatan yang lebih tinggi diperolehi syarikat asing di Malaysia (**Paparan 1**).

### Paparan 1

#### Prestasi FDI bagi tahun 2009 - 2021 (RM bilion)




## FDI Mengikut Komponen

Aliran FDI terutamanya dalam bentuk ekuiti dan dana pelaburan saham yang berjumlah sebanyak RM56.3 bilion, melonjak daripada RM15.8 bilion berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, instrumen hutang merekodkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM8.1 bilion berbanding aliran keluar bersih RM2.6 bilion pada tahun 2020 (**Paparan 2**).

Pada akhir tahun 2021, kedudukan FDI meningkat kepada RM788.8 bilion, disumbangkan oleh peningkatan sebanyak RM93.9 bilion dalam ekuiti dan dana pelaburan saham yang merekodkan RM702.8 bilion daripada RM609.0 bilion. Ini diikuti oleh instrumen hutang yang mencapai kedudukan lebih tinggi iaitu RM85.9 bilion berbanding RM76.0 bilion pada akhir tahun 2020.

## ► Paparan 2 FDI mengikut Komponen, 2020 - 2021



Nota:  
1. b merujuk kepada bilion  
2. Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih

FDI merekodkan pendapatan pelaburan yang lebih tinggi sebanyak RM101.0 bilion, meningkat sebanyak RM57.2 bilion berbanding RM43.8 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh pendapatan yang tinggi diperoleh dalam ekuiti dan dana pelaburan saham sebanyak RM100.3 bilion (2020: RM42.9 bilion). Sementara itu, pembayaran faedah kepada pelabur asing turun kepada RM0.7 bilion (2020: RM0.9 bilion).

### FDI Mengikut Sektor

Sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama bagi aliran FDI pada tahun 2021 berjumlah RM29.5 bilion dan diikuti oleh Perkhidmatan sebanyak RM12.0 bilion. Pelaburan dalam sektor Pembuatan dipelopori terutamanya oleh subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan lain-lain pembuatan sementara sektor Perkhidmatan sebahagian besarnya adalah dalam aktiviti Kewangan & insurans/takaful. Sektor Perlombongan & pengkuarian merupakan penyumbang ketiga terbesar sebanyak RM5.8 bilion, seperti yang digambarkan di **Paparan 3**.

► Paparan 3 Nilai dan Sumbangan FDI mengikut Sektor, 2020 - 2021

	Pembuatan	Perkhidmatan	Perlombongan & pengkuarian	Pertanian	Pembinaan
<b>Aliran</b>	<b>RM29.5b</b> <b>61.4%</b> (2020: RM7.0b)	<b>RM12.0b</b> <b>24.9%</b> (2020: RM5.4b)	<b>RM5.8b</b> <b>12.1%</b> (2020: RM2.0b)	<b>RM0.7b</b> <b>1.5%</b> (2020: -RM0.4b)	<b>RM0.1b</b> <b>0.1%</b> (2020: -RM0.7b)
<b>Kedudukan</b>	<b>RM332.8b</b> <b>42.2%</b> (2020: RM273.6b)	<b>RM388.4b</b> <b>49.2%</b> (2020: RM354.3b)	<b>RM41.4b</b> <b>5.3%</b> (2020: RM34.8b)	<b>RM14.2b</b> <b>1.8%</b> (2020: RM11.1b)	<b>RM12.0b</b> <b>1.5%</b> (2020: RM11.2b)
<b>Pendapatan</b>	<b>RM66.9b</b> <b>66.3%</b> (2020: RM27.0b)	<b>RM27.3b</b> <b>27.0%</b> (2020: RM17.1b)	<b>RM5.9b</b> <b>5.9%</b> (2020: -RM0.7b)	<b>RM0.9b</b> <b>0.9%</b> (2020: RM0.4b)	<b>-RM0.1b</b> <b>-0.1%</b> (2020: RM0.2b)

Nota:

1. b merujuk kepada bilion
2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan
3. Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih
4. Kedudukan sektor mengikut aliran masuk bersih


Kedudukan FDI pada akhir tahun 2021 berjumlah RM788.8 bilion, di mana sektor Perkhidmatan mencatatkan RM388.4 bilion atau 49.2 peratus daripada jumlah kedudukan, terutamanya disumbangkan oleh aktiviti Kewangan & insurans/takaful dan Perdagangan borong & runcit. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan sebanyak 42.2 peratus (RM332.8 bilion) dengan Elektrik, peralatan pengangkutan dan lain-lain pembuatan sebagai subsektor utama.

Syarikat asing dalam sektor Pembuatan memperoleh pendapatan tertinggi pada RM66.9 bilion (66.3%), terutamanya dalam subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan lain-lain pembuatan. Ini diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak RM27.3 bilion (27.0%), terutamanya dalam aktiviti Kewangan & insurans/takaful.

## FDI Mengikut Rantau

Pelaburan terbesar ke Malaysia pada 2021 adalah terutama daripada rantau Asia yang mana berjumlah sebanyak RM22.5 bilion, diikuti oleh Amerika (RM18.4 bilion) dan Eropah (RM5.9 bilion), seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4**. Rantau-rantau ini mengumpul RM46.8 bilion (2020: RM11.7 bilion) atau 97.2 peratus daripada jumlah aliran. Rantau Asia terutamanya diterajui oleh Singapura, Jepun dan Republik Korea.

### ► Paparan 4 FDI mengikut Rantau, 2021




Pada akhir tahun 2021, rantau Asia merupakan sumber utama bagi kedudukan FDI dengan nilai sebanyak RM413.1 bilion, diikuti oleh Eropah sebanyak RM207.7 bilion dan Amerika RM153.0 bilion. Ketiga-tiga rantau ini menyumbang sebanyak RM773.8 bilion (2020: RM672.3 bilion) atau 98.1 peratus daripada keseluruhan kedudukan FDI. Singapura, Hong Kong dan Jepun kekal sebagai pelabur utama bagi rantau Asia, sementara Belanda dan Switzerland adalah pelabur utama dari Eropah.

Pelabur dari rantau Amerika memperoleh pendapatan FDI tertinggi pada RM40.1 bilion, diikuti oleh Asia (RM36.3 bilion) dan Eropah (RM23.2 bilion). Ketiga-tiga rantau ini menjana RM99.6 bilion atau 98.6 peratus daripada jumlah pendapatan FDI. Amerika Syarikat dan British Virgin Islands memperoleh pendapatan tertinggi di rantau Amerika yang mana masing-masing mencatatkan RM30.9 bilion dan RM3.1 bilion.

## FDI Mengikut Negara Dan Sektor

Aliran FDI terutamanya daripada Amerika Syarikat (RM15.7 bilion), Singapura (RM9.0 bilion) dan United Kingdom (RM4.7 bilion), yang mana berjumlah RM29.4 bilion. Perincian sektor aliran FDI oleh tiga negara utama ini ditunjukkan di **Paparan 5**. Aliran dari Amerika Syarikat dan Singapura kebanyakannya terlibat dalam sektor Pembuatan sementara United Kingdom dalam sektor Perkhidmatan.

### ► Paparan 5 FDI mengikut Negara dan Sektor Utama, 2021



Nota: b merujuk kepada bilion

Singapura kekal sebagai negara pelabur terbesar bagi kedudukan FDI dengan jumlah terkumpul sebanyak RM169.0 bilion, pada akhir 2021. Ini diikuti oleh Hong Kong sebanyak RM85.7 bilion dan Jepun RM83.0 bilion. Perkhidmatan adalah sektor utama bagi Singapura dan Hong Kong, manakala Jepun dalam sektor Pembuatan.

## FOREIGN DIRECT INVESTMENT'S PERFORMANCE IN MALAYSIA

Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia registered higher net inflow of RM48.1 billion in 2021 as compared to RM13.3 billion in the previous year following a gradual recovery in the global economy from the after effects of the COVID-19 pandemic. The increase was mainly driven by higher flows in equity and investment fund shares. In terms of position, FDI climbed to RM788.8 billion as at end of 2021 (2020: RM684.9 billion). Meanwhile, investment income rose to RM101.0 billion from RM43.8 billion in 2020, as a result of higher income earned by foreign companies in Malaysia (**Exhibit 1**).

► **Exhibit 1** ► **FDI Performance for Year 2009 - 2021 (RM billion)**




## FDI by Component

FDI flows were primarily in the form of equity and investment fund shares which amounted to RM56.3 billion, surging from RM15.8 billion as compared to the previous year. In the meantime, debt instruments recorded higher net outflows of RM8.1 billion as against net outflows of RM2.6 billion in 2020 (**Exhibit 2**).

As at end of 2021, FDI position rose to RM788.8 billion attributed by an increase of RM93.9 billion in the value of equity and investment fund shares to record RM702.8 billion from RM609.0 billion. This was followed by debt instruments which attained a higher position of RM85.9 billion, compared to RM76.0 billion as at end of 2020.

## Exhibit 2 FDI by Component, 2020 - 2021



Notes:

1. b refer to billion
2. Negative value refer to net outflows

FDI recorded a higher investment income of RM101.0 billion, which increased by RM57.2 billion as against RM43.8 billion in the previous year. The increase was attributed to higher income attained in equity and investment fund shares at RM100.3 billion (2020: RM42.9 billion). Meanwhile, interest paid to foreign investors dropped to RM0.7 billion (2020: RM0.9 billion).

### FDI by Sector

Manufacturing contributed as the main sector for FDI flows in 2021 where amounted to RM29.5 billion and followed by Services at RM12.0 billion. The investment in Manufacturing sector was particularly in Electrical, transport equipment and other manufacturing subsector while Services was largely in Financial & insurance/takaful activities. Mining & quarrying sector was the third major contributor at RM5.8 billion, as depicted in Exhibit 3.

 **Exhibit 3** 

	Manufacturing	Services	Mining & quarrying	Agriculture	Construction
 <b>Flows</b>	<b>RM29.5b</b> 61.4% (2020: RM7.0b)	<b>RM12.0b</b> 24.9% (2020: RM5.4b)	<b>RM5.8b</b> 12.1% (2020: RM2.0b)	<b>RM0.7b</b> 1.5% (2020: -RM0.4b)	<b>RM0.1b</b> 0.1% (2020: -RM0.7b)
 <b>Position</b>	<b>RM332.8b</b> 42.2% (2020: RM273.6b)	<b>RM388.4b</b> 49.2% (2020: RM354.3b)	<b>RM41.4b</b> 5.3% (2020: RM34.8b)	<b>RM14.2b</b> 1.8% (2020: RM11.1b)	<b>RM12.0b</b> 1.5% (2020: RM11.2b)
 <b>Income</b>	<b>RM66.9b</b> 66.3% (2020: RM27.0b)	<b>RM27.3b</b> 27.0% (2020: RM17.1b)	<b>RM5.9b</b> 5.9% (2020: -RM0.7b)	<b>RM0.9b</b> 0.9% (2020: RM0.4b)	<b>-RM0.1b</b> -0.1% (2020: RM0.2b)

Notes:

1. b refers to billion
2. % refer shares to total
3. Negative value refer to net outflows
4. Sector ranked by net inflows


The FDI position stood at RM788.8 billion as at end of 2021, whereby Services sector registered RM388.4 billion or 49.2 per cent of the total position, mainly contributed by Financial & insurance/takaful and Wholesale & retail trade activities. This was followed by the Manufacturing sector at 42.2 per cent (RM332.8 billion) with Electrical, transport equipment and other manufacturing as the main subsector.

Foreign companies in the Manufacturing sector earned the highest income at RM66.9 billion (66.3%), mainly in Electrical, transport equipment and other manufacturing subsector. This was followed by Services sector with RM27.3 billion (27.0%), particularly in Financial & insurance/takaful activities.

## FDI by Region

The largest investment into Malaysia in 2021 was mainly from the Asia region which amounted to RM22.5 billion, followed by Americas (RM18.4 billion) and Europe (RM5.9 billion), as shown in **Exhibit 4**. These regions accumulated RM46.8 billion (2020: RM11.7 billion) or 97.2 per cent of the total flows. The Asia region was led by Singapore, Japan and Republic of Korea.

### Exhibit 4 FDI by Region, 2021




The Asia region has been the predominant source for FDI position with a value of RM413.1 billion, followed by Europe at RM207.7 billion and Americas at RM153.0 billion as at end of 2021. These three regions contributed RM773.8 billion (2020: RM672.3 billion) or 98.1 per cent to the total of FDI position. Singapore, Hong Kong and Japan remained as the major investors from Asia, while the Netherlands and Switzerland were the main investors from Europe.

Investors from Americas gained the highest earnings at RM40.1 billion, followed by Asia (RM36.3 billion) and Europe (RM23.2 billion). These three regions collectively earned RM99.6 billion or 98.6 per cent of the total FDI income. The United States of America (USA) and the British Virgin Islands gained the highest income in Americas region which registered for RM30.9 billion and RM3.1 billion respectively.

## FDI by Country and Sector

FDI flows were primarily from the USA (RM15.7 billion), Singapore (RM9.0 billion) and the United Kingdom (RM4.7 billion), which amounted to RM29.4 billion. The detailed sectors for FDI flows by top three countries are shown in **Exhibit 5**. The flows from the USA and Singapore were mostly involved in Manufacturing sector while the United Kingdom was in Services sector.

### ► Exhibit 5 FDI by Major Country and Sector, 2021



Singapore remained as the largest investor country for FDI position accumulating a total of RM169.0 billion, as at end of 2021. This was followed by Hong Kong at RM85.7 billion and Japan at RM83.0 billion. Services was the main sector for both Singapore and Hong Kong, while Japan was in Manufacturing sector.

TU  
D  
I

ARTIKEL  
*ARTICLE*

2022



## Pelaburan Asing Malaysia: Hubungan antara Pelaburan Diluluskan dan Pelaburan Direalisasikan Sektor Pembuatan

Syamimi Shahbudin, Siti Fatimah Jusoh

Bahagian Perangkaan Imbalan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia

### Pengenalan

Ekonomi Malaysia telah berkembang sejak beberapa tahun lalu, beralih daripada ekonomi berdasarkan pertanian pada 1970-an kepada aktiviti pembuatan pada 1990-an serta perkhidmatan pada 2000-an. Ekonomi yang pesat membangun dan peralihan yang semakin pantas menjadikan kunci utama dalam penentuan destinasi utama FDI. Kebanyakan ekonomi yang sedang pesat membangun telah menjadikan FDI sebagai keutamaan untuk menggalakkan industri dan mendapatkan akses kepada pasaran antarabangsa (Peng, 2000).

Penyelidik, pengamal dan ahli akademik dalam bidang ekonomi antarabangsa telah lama berminat dengan FDI dan aktiviti firma antarabangsa terutama di negara yang pesat membangun. FDI adalah komponen penting dalam sistem ekonomi antarabangsa yang terbuka dan berkesan, serta menjadi pemacu utama dalam pembangunan dan penggalak kepada negara sedang membangun. Sumber FDI adalah daripada inisiatif negara asing untuk meninggalkan jejak jenama mereka dan memperluaskan lagi rangkaian perniagaan merentasi negara.

Sesungguhnya, dasar dan pelaksanaan untuk menggalakkan FDI telah diperhatikan sebagai fenomena yang sedang berkembang di kalangan negara sedang membangun. Kesannya, kebanyakan kerajaan telah mewujudkan agensi bagi mempromosikan pelaburan yang pada asasnya bertindak sebagai badan pemikir untuk menggubal dasar yang sesuai dan sebagai pasukan pemasaran untuk mewujudkan pelaburan yang kompetitif.

Industri pembuatan di Malaysia terus memainkan peranan penting dalam peralihan ekonomi negara dan ia berpotensi untuk mencetuskan produktiviti yang lebih berbanding sektor lain. Di sebalik ketidaktentuan ekonomi global, sumbangan sektor ini kepada hasil eksport dan penciptaan pekerjaan dapat memastikan kemajuan negara. Lebih banyak produk bernilai tambah tinggi, pelbagai dan kompleks akan terus diberi keutamaan, terutamanya dalam produk elektrik & elektronik (E&E) (Laporan Tahunan MIDA 2021). Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12), industri E&E disasarkan menyumbang RM120 bilion kepada Keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia.

Perlu diberi perhatian bahawa pertumbuhan ekonomi sesebuah negara turut dipengaruhi oleh FDI kesan daripada tahap pelaburan yang diluluskan dan aliran masuk ke negara. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ialah agensi yang berperanan mempromosikan dan membangunkan pelaburan di bawah kerajaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk menyelia dan memacu pelaburan di Malaysia. Selaras dengan peranan agensi ini dalam mempromosikan negara ke arah pelaburan, mereka juga bertanggungjawab dalam meluluskan projek dan pelaburan.


Pelaburan tersebut menunjukkan sumbangan berterusan ke arah pemindahan modal, teknologi dan pengetahuan ke negara. Pelaburan yang diluluskan itu dianggap sebagai satu kejayaan kepada negara dan ia direalisasikan melalui aliran FDI yang mana statistik berikut disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Aliran masuk di Malaysia dikeluarkan secara suku tahunan oleh DOSM dan meliputi pelbagai instrumen kewangan iaitu ekuiti & dana pelaburan saham dan instrumen hutang.

## Pelaburan di Malaysia

### Pelaburan Diluluskan

MIDA telah memperkenalkan beberapa insentif dan faedah bagi menarik pelabur asing sebagai usaha mereka untuk mencari atau mengembangkan pelaburan yang lebih besar ke Malaysia. Sebagai sebahagian daripada skop mereka, MIDA bertanggungjawab untuk menyusun indikator atau statistik, lesen, insentif dan permit yang berkaitan dengan pelaburan. Indikator ini sangat berguna untuk pelaburan masa depan yang akan mengalir ke dalam ekonomi dan bermanfaat bagi pihak kerajaan dalam merangka dasar dan membuat keputusan, serta untuk sektor swasta mengenal pasti peluang perniagaan baru.

Menurut Laporan Tahunan MIDA 2021, MIDA telah menyasarkan produk dan projek perkhidmatan yang berteknologi tinggi mengikut perkembangan terkini, termasuk Industri 4.0. Kerajaan akan memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan menarik di Asia, dengan persekitaran yang berkualiti, melalui pembaharuan dasar dan kaedah yang disasarkan.

**Carta 1: Pelaburan Asing Diluluskan, 2006 - 2021**

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Merujuk daripada MIDA, kebanyakannya projek tertumpu kepada industri bernilai dan berimpak tinggi. Malaysia merekodkan nilai pelaburan diluluskan berjumlah RM306.5 bilion meliputi sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Utama bagi tahun 2021, meningkat 83.1 peratus daripada tahun sebelumnya. Pelaburan tersebut terutamanya disumbangkan oleh pelaburan asing iaitu 68.1 peratus atau RM208.6 bilion daripada jumlah keseluruhan, khususnya sektor Pembuatan mencatatkan RM179.6 bilion (92.1%). Manakala, pelaburan asing dalam sektor Perkhidmatan merekodkan RM24.9 bilion dan sektor utama RM4.1 bilion.


Pada tahun 2021, pelaburan asing dan domestik yang diluluskan bagi sektor Pembuatan mencatatkan RM195.1 bilion daripada 702 projek, merupakan peningkatan ketara daripada 2020 (RM91.3 bilion; 1050 projek). Projek merangkumi 386 atau 55 peratus daripada jumlah projek yang diluluskan manakala baki 316 projek atau 45 peratus adalah daripada projek pembesaran/pelbagai. Projek Pembuatan yang diluluskan ini dijangka mewujudkan 74,575 peluang pekerjaan dalam pelbagai jawatan pengurusan, teknikal dan mahir. Ini menjurus mewujudkan pekerjaan berkualiti untuk Malaysia mencerminkan peralihan rantaian yang lebih tinggi bagi sektor Pembuatan.

## Pelaburan Direalisasikan

Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan DOSM, FDI di Malaysia boleh di definisikan sebagai pelaburan daripada pelabur asing yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus pegangan ekuiti syarikat di Malaysia. Ini juga boleh diklasifikasikan sebagai pelaburan yang direalisasikan di mana urus niaga tersebut menjadi aliran masuk ke Malaysia. Kebanyakan syarikat FDI di Malaysia adalah Syarikat Multinasional (MNC) yang telah menyumbang kepada ekonomi sejak 1970-an. MNC adalah asas kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia, terutamanya dalam sektor Pembuatan. MNC juga menyumbang dengan ketara kepada nilai tambah, guna tenaga dan jumlah eksport industri pembuatan dan kebanyakannya tertumpu dalam industri berorientasikan eksport.

Siri statistik yang dikeluarkan oleh DOSM bagi prestasi FDI dari tahun 2001 hingga 2020, aliran FDI di Malaysia dapat dilihat meningkat secara berterusan. Walaubagaimanapun, aliran FDI terendah sejak 2001 (RM2.1 bilion) dicatatkan pada 2009, yang mana menurun kepada aliran masuk bersih RM5.1 bilion. Aliran yang rendah berikut adalah kesan daripada Kemelesatan Besar, yang bermula pada akhir 2007 dan berakhir pada pertengahan 2009. Sebaliknya, FDI mencapai rekod tertinggi pada tahun 2016 dengan mencatatkan RM47.0 bilion, terutama daripada peningkatan dalam aktiviti kewangan.

Namun begitu, FDI global meningkat dengan signifikan pada 2021, berdasarkan *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) World Investment Report (WIR)* 2022 menyatakan bahawa aliran FDI pada 2021 berjumlah \$1.58 trilion, meningkat 64 peratus daripada paras yang sangat rendah pada 2020. Pemulihan tersebut menunjukkan momentum peralihan yang ketara dengan penggabungan dan pasaran pemerolehan (M&A) serta pertumbuhan pesat dalam projek kewangan antarabangsa yang disebabkan oleh keadaan pembiayaan yang longgar dan pakej rangsangan infrastruktur.

**Carta 2: Pelaburan Langsung Asing (Aliran), 2006 – 2021**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Malaysia telah mendapat manfaat daripada pemulihan aliran FDI global dengan mencatatkan RM48.1 bilion bagi aliran masuk FDI bersih pada 2021 berbanding RM13.3 bilion pada 2020. Peningkatan aliran FDI menambah baik kedudukan kepada RM788.8 bilion pada akhir tempoh 2021 (pada akhir 2020: RM684.9 bilion), terutamanya disumbangkan oleh sektor Pembuatan. Statistik DOSM menunjukkan negara menerima aliran masuk tertinggi sejak pandemik. Aliran masuk pada tahun 2021 terutamanya dalam bentuk ekuiti yang lebih tinggi dan keuntungan yang dilabur semula. Berdasarkan WIR 2022, pemulihan global tersebut meningkatkan pertumbuhan di semua wilayah, di mana kebanyakannya disebabkan oleh penggabungan dan pengambilalihan serta pendapatan tertahan yang tinggi oleh MNE daripada keuntungan yang direkodkan.

Melihat kepada aliran FDI di Malaysia mengikut sektor Pembuatan, pelaburan dalam sektor ini menunjukkan peningkatan ketara kepada RM29.5 bilion, mengatasi perkhidmatan pada RM12.0 bilion. Sektor Pembuatan merekodkan prestasi tertinggi pada 2015 dengan nilai RM17.2 bilion terutamanya hasil daripada pelaburan yang lebih tinggi dalam ekuiti & dana pelaburan saham daripada subsektor elektrik & elektronik dan petroleum & produk kimia.

Walaupun sektor Pembuatan mencatatkan FDI nilai lebih rendah dalam dua tahun kebelakangan ini, ia telah menjadi tarikan utama pelabur asing bagi tahun 2021. Pemerhatian ini adalah sejajar dengan pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor Pembuatan oleh MIDA di mana jumlah itu meningkat kepada nilai yang lebih tinggi iaitu RM179.6 bilion pada 2021. Menurut statistik Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (IIP) DOSM, sektor Pembuatan mencatatkan pelaburan lebih tinggi kepada RM332.8 bilion pada akhir 2021 (akhir tahun 2020: RM273.6 bilion).

### Kajian Kes Pelaburan Diluluskan dan Direalisasikan dalam Sektor Pembuatan

Kebanyakan kajian empirikal tertumpu kepada kesan FDI kepada perdagangan dan petunjuk prestasi ekonomi yang lain, manakala sumber pelaburan yang relevan iaitu pelaburan diluluskan oleh institusi kerajaan telah diabaikan dan terhad. Menurut *Economic Cooperation and Development (OECD)* (2008), FDI ialah sejenis pelaburan yang mencerminkan matlamat enterpis residen (pelabur langsung) membentuk kepentingan jangka panjang dalam enterpis (enterpis pelaburan langsung) dalam ekonomi lain.

Dapatan oleh Goh et. al (2013) menunjukkan bahawa FDI mengikut pola hubungan pelengkap antara FDI dan perdagangan, yang ditentukan mengikut kaedah anggaran *Hausman-Taylor*. Kes kajian di Malaysia mendapat terdapat hubungan yang signifikan antara FDI dengan pertumbuhan ekonomi (Shaari, et. al, 2012; Har et. al, 2008). Kajian itu menunjukkan bahawa FDI dianggap sebagai penentu penting untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Sebaliknya, Karimi dan Yusop (2009) mendapatkan tiada hubungan sebab penyebab daripada FDI kepada pertumbuhan ekonomi di Malaysia atau sebaliknya. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan ujian sebab-penyebab Toda-Yamamoto dan *bound testing (ARDL)*. Kajian tambahan oleh Hooi (2008) mendapat keputusan yang sama menggunakan data pembuatan sepanjang tempoh sampel 1980 hingga 2005 dalam kes ekonomi di Malaysia.

### Metodologi

Artikel ini menganalisa hubungan sebab akibat antara pelaburan asing diluluskan dan FDI direalisasikan dalam sektor Pembuatan di Malaysia, menggunakan data suku tahunan untuk tempoh 2008 hingga 2021. Adakah pelaburan asing diluluskan mempengaruhi prestasi FDI direalisasikan untuk sektor Pembuatan di Malaysia? Julat sampel ialah 2008Q1 hingga 2021Q4, yang terdiri daripada 56 pemerhatian. Pemboleh ubah yang digunakan ialah pelaburan asing diluluskan dan aliran FDI direalisasikan di Malaysia yang diterbitkan masing-masing oleh MIDA dan DOSM. Hubungan sebab penyebab diteliti menggunakan prosedur ujian kausaliti Granger versi diubah suai yang dibangunkan oleh Toda dan Yamamoto (1995) bagi mengkaji kesan jangka panjang pembolehubah dalam vektor autoregresif (VAR).

Untuk mengelakkan sebab akibat palsu, kedua-dua pemboleh ubah perlu pegun. Menurut Granger (1988), ujian sebab penyebab adalah sah jika pembolehubah berkointegrasikan. Walau bagaimanapun, salah satu kelebihan ujian penyebab Granger versi Toda dan Yamamoto yang diubah suai dapat mengetepikan keperluan untuk pra ujian kointegrasikan. Oleh itu, ia dapat mengelakkan bias pra-ujian dan terpakai untuk sebarang tahap integrasi untuk siri masa yang digunakan.

## Penemuan Empirical

### Ujian Punca Unit (*Unit Root*)

Menurut Zivot dan Wang (2006), kebanyakan siri masa ekonomi dan kewangan mempamerkan punca unit di mana terdapat trend atau tidak pegun dalam statistik siri masa. Ujian *Augmented Dickey-Fuller* (ADF) biasanya digunakan untuk menguji sama ada data siri masa tersebut adalah pegun dengan hipotesis nol menunjukkan siri masa mempunyai punca unit atau tidak pegun (Mushtaq, 2011).

Jadual 1 menunjukkan dapatan ujian ADF pada aras dan perbezaan pertama. Pada aras, kedua-dua pemboleh ubah adalah tidak pegun kerana statistik ujian adalah lebih besar daripada nilai kritikal pada semua aras signifikan. Seterusnya, ujian ADF diteruskan pada perbezaan pertama. Keputusan ujian menunjukkan siri masa menjadi pegun pada aras keyakinan 99%. Oleh itu, kedua-dua pembolehubah tidak pegun pada aras, namun pegun pada perbezaan pertama I(1).

**Jadual 1: Ujian Punca Unit ADF**

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>t-statistik</b>		<b>Aras keyakinan</b>	<b>Nilai kritikal</b>
	<b>Aras</b>	<b>Perbezaan pertama</b>		
Pelaburan asing diluluskan	0.3960	-8.4555	99%	-2.60
			95%	-1.95
			90%	-1.61
FDI direalisasikan	-1.5076	-8.1124	99%	-2.60
			95%	-1.95
			90%	-1.61

### Model Vektor Autoregressif (VAR)

Ujian penyebab Granger ialah satu kaedah untuk menyiasat sama ada satu pemboleh ubah boleh menyebabkan tindak balas dalam pembolehubah lain dalam siri masa pegun (Granger, 1969). Setelah menentukan siri masa itu pegun, panjang lag bagi model VAR dipilih, yang mana ianya diperlukan untuk ujian penyebab Granger versi yang diubah suai. Panjang lag optimum, lag 1 dipilih menggunakan Akaike's information criterion (AIC) dan Schwarz information criterion (SC) dengan syarat model tersebut tidak mempunyai autokorelasi dalam residual.

### Ujian Penyebab Granger

Langkah terakhir adalah untuk menentukan arah hubungan penyebab antara pemboleh ubah dengan menggunakan ujian penyebab Toda dan Yamamoto. Keputusan dalam Jadual 2 menunjukkan pelaburan asing diluluskan merupakan penyebab Granger kepada FDI direalisasikan dalam sektor Pembuatan pada aras signifikan 1%. Sebaliknya, hipotesis nol yang merujuk FDI direalisasikan bukan penyebab Granger kepada Pelaburan asing diluluskan dalam sektor Pembuatan tidak boleh ditolak pada aras signifikan 5%. Ini boleh disimpulkan bahawa penyebab Granger menunjukkan hubungan sehala atau satu arah daripada pelaburan asing diluluskan kepada FDI direalisasikan dalam kes sektor Pembuatan di Malaysia.

**Jadual 2: Ujian Penyebab Granger Toda-Yamamoto**

Hipotesis nol	F-statistik	Nilai p
Pelaburan asing diluluskan bukan penyebab Granger kepada Pelaburan direalisasikan	6.8523	0.0017*
Pelaburan direalisasikan bukan penyebab Granger kepada Pelaburan asing diluluskan	2.3840	0.0976

\* Tolak hipotesis nol pada aras 5%

## Kesimpulan

FDI ialah satu instrumen penting untuk pertumbuhan ekonomi kerana ia mewujudkan pekerjaan dan peluang baharu dengan membenarkan pelabur menubuhkan perniagaan baharu dalam ekonomi lain. Aliran masuk ini akan mengukuhkan ekonomi tempatan dengan peningkatan pendapatan dan kuasa beli. Kerajaan memainkan peranan penting dalam mereka bentuk insentif untuk mempengaruhi dan menarik pelabur asing, serta mengawal hala tuju pelaburan, khususnya dalam industri yang disasarkan.

Aliran FDI meningkat secara progresif terutama selepas tempoh pemulihan. Statistik daripada kedua-dua pihak MIDA dan DOSM menunjukkan peningkatan yang ketara terutamanya dalam sektor Pembuatan. Ini hasil daripada insentif lain oleh kerajaan seperti lanjutan insentif cukai khas yang ditawarkan kepada sektor pembuatan bermula pada tahun 2020 dan kemudiannya kepada sektor perkhidmatan di bawah Bajet 2021. Insentif ini bertujuan untuk merangsang pemulihan ekonomi dengan menjadikan negara satu destinasi untuk aktiviti bernilai tinggi termasuk projek untuk menghasilkan modul solar dan sel di Kulim Hi-Tech Park. Kerajaan memperuntukkan RM100 juta untuk *Smart Automation Grant* (SAG) di bawah pakej rangsangan PENJANA dan RM50 juta di bawah pakej bantuan PEMERKASA untuk mempercepatkan penggunaan automasi pada 2021.

Pada tahun 2021, pelaburan asing diluluskan dalam sektor Pembuatan berkembang pantas, dengan tiga kali ganda pelaburan yang dicatatkan pada tahun 2020. Trend ini adalah selaras dengan penemuan artikel ini yang menunjukkan menunjukkan hubungan sehalia daripada Pelaburan asing diluluskan kepada Pelaburan asing direalisasikan dalam sektor Pembuatan di Malaysia. Oleh itu, Pelaburan diluluskan oleh institusi kerajaan boleh dikatakan memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi aliran masuk FDI khususnya dalam sektor Pembuatan. Kajian ini hanya tertumpu kepada FDI dalam sektor Pembuatan kerana ia merupakan penerima terbesar FDI dan titik tumpuan pelabur asing masuk ke dalam ekonomi Malaysia. Oleh itu, kerajaan menyasarkan bagi tarikan pelabur asing ke Malaysia harus ditekankan dan diambil kira kerana ia mempunyai potensi yang signifikan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Usaha bantuan langsung seperti insentif cukai dan kemudahan untuk menjalankan aktiviti perniagaan di Malaysia perlu diperhalusi untuk menarik lebih ramai pelabur asing, di samping mengekalkan pelaburan asing sedia ada di Malaysia.

## Penafian

Pandangan yang diutarakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM..

## Rujukan

- Department of Statistics Malaysia, (2022). *Balance of Payment Statistics Q1 2022*.
- Department of Statistics Malaysia, (2022). *International Investment Position Q1 2022*.
- Goh, S. K., Wong, K. N., & Tham, S. Y. (2013). Trade linkages of inward and outward FDI: Evidence from Malaysia. *Economic Modelling*, 35, 224-230.
- Granger, C. W. J. (1969). Investigating Causal Relations by Econometric Models and Cross-spectral Methods. *Econometrica*, 37(3): 424–438.
- Har, W. M., Teo, K. L., & Yee, K. M., (2008). FDI and Economic Growth Relationship: An Empirical Study on Malaysia. *International Business Research*, 1(2), 11-18.
- Hooi, H. L. (2008). The Impact of Foreign Direct Investment on the Growth of the Manufacturing Sector in Malaysia. *International Applied Economics and Management Letters* 1(1): 41-45.
- Karimi, M. S., & Yusop, Z. (2009). *FDI and Economic Growth in Malaysia*. Munich Personal RePEc Archive. [https://mpra.ub.uni-muenchen.de/14999/1/FDI\\_on\\_Economic\\_Growth.pdf](https://mpra.ub.uni-muenchen.de/14999/1/FDI_on_Economic_Growth.pdf).
- Malaysian Investment Development Authority (MIDA). (2022). *Powering Resilience, Malaysia Investment Performance Report 2021*.
- Organisation for Economic Cooperation and Development. (2008). *OECD Benchmark Definition of Foreign Direct Investment (4th ed.)*. OECD Publishing.
- Peng, M. W. (2000). *Business Strategies in Transition Economies*. SAGE Publications.
- Shaari, M. S., Thien, H. H., & Shukeri, S. N. (2012). Foreign Direct Investment and Economic Growth: Evidence from Malaysia. *International Business Research*, 5(10), 100-106.
- Toda, H. Y., & Yamamoto, T. (1995). Statistical inference in vector autoregressions with possibly integrated processes. *Journal of Econometrics*. 66(1-2), 225-250.
- United Nations Conference on Trade and Development. (2022). *World Investment Report 2022, International Tax Reforms and Sustainable Investment*.
- Zivot, E., & Wang, J. (2006). *Modeling Financial Time Series with S-PLUS (2nd ed.)*. Springer Nature.

## ***Malaysia's Foreign Investment: Inter-linkages between Approved and Realised Investment of the Manufacturing Sector***

Syamimi Shahbudin, Siti Fatimah Jusoh

*Balance of Payments Statistics Division, Department of Statistics Malaysia*

### ***Introduction***

*Malaysia's economy has evolved over the years, shifting from agricultural-based in the 1970s to manufacturing activity in the 1990s as well as services in the 2000s. Emerging and transition economies are rapidly becoming key foreign direct investment (FDI) destinations. Many emerging and transition economies have made attracting FDI a priority to promote industries and get access to the international market (Peng, 2000).*

*International economists, researchers, practitioners and academics have long been interested in FDI and international firms' economic activity in emerging countries. FDI is an important component of an open and effective international economic system, a key driver of development and a booster for emerging nations. The source of FDI comes from foreign initiatives to leave their brand's footprint and broad business network across the countries.*

*Indeed, policies and implementations to promote FDI have been observed as a recent developing phenomenon among emerging nations. As a result, many governments have established investment promotion agencies that essentially act as a think tank for formulating appropriate legislation and as a marketing team for creating a competitive investment climate.*

*The manufacturing industry in Malaysia continues to play an important part in the country's economic transition and it has the potential to spark productivity more than any other sector in the economy. Despite global economic uncertainty, its contributions to export revenue and employment creation ensured the country's progress. Higher value-added, diversified and complex products will continue to be prioritised, notably in electrical and electronics (E&E) products (Annual Report MIDA 2021). Under the 12<sup>th</sup> Malaysia Plan (12MP), the E&E industry is targeted to contribute RM120 billion to Malaysia's Gross Domestic Product (GDP).*

*It is noteworthy to mention that the growth of host economies was influenced by FDI was affected by the level of approved investment and the flows into the country. The Malaysian Investment Development Authority (MIDA) is the Government's principal investment promotion and development agency under the Ministry of International Trade and Industry (MITI) to oversee and drive investments in Malaysia. In line with their role in promotions, they are also responsible for approving projects and investments.*


*The investments showed a continued contribution towards changes in capital, technology and knowledge transfers to the country. The approved investment is being regarded as a milestone for the country and it is materialised through the FDI flows which are compiled by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). The inflows in Malaysia were captured quarterly by DOSM and it comprise various types of financial instruments, namely equity & investment fund shares and debt instruments.*

### **Overview Investment in Malaysia**

#### **Approved Investment**

*MIDA has introduced several incentives and benefits to attract foreign investors as part of its efforts to locate or expand their greater foreign direct investment in Malaysia. As a part of their scope, MIDA is responsible for compiling indicators or statistics of licences, incentives and permits pertaining to investment. The indicators are very useful for future investments that will flow into the economy and are beneficial for government authorities in formulating policies and decision making, as well as for private sector to identify new business opportunities.*

*According to the Annual Report MIDA 2021, MIDA has been targeting technologically advanced products and services projects by staying abreast of the latest developments, including Industry 4.0. The government would ensure that Malaysia remains an attractive investment destination in Asia, with a favourable environment for quality investments, through policy reforms and targeted measures.*

**Chart 1: Foreign Approved Investment, 2006 - 2021**

Source: Malaysian Investment Development Authority (MIDA)

